

**KAJIAN KES PEROGOL
DI PENJARA NEGERI KEDAH DAN PERAK**

GAN KONG MENG

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2007**

**KAJIAN KES PEROGOL
DI PENJARA NEGERI KEDAH DAN PERAK**

Oleh

GAN KONG MENG

Tesis yang diserahkan untuk

memenuhi keperluan bagi

Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2007

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. P. Sundramoorthy, pensyarah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, di atas segala tunjuk ajar, galakan, bimbingan dan nasihat yang telah diberikan selaku penyelia utama saya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Penjara Alor Setar, khususnya Tuan Zulkifli Bin Omar dan pihak Penjara Taiping khususnya Pegawai Penjaga Penjara di atas segala bantuan dan kerjasama dalam memperoleh data-data melalui borang soal selidik.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia yang telah banyak membantu dari segi membekalkan maklumat-maklumat berasas serta data-data dan statistik yang diperlukan dalam kajian ini.

Akhir sekali saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada keluarga saya, terutamanya isteri saya Hon May Wan yang membantu dalam menaipkan manuskrip dengan komputer dan sentiasa memberikan dorongan serta galakan sepanjang tempoh pengajian saya. Begitu juga kepada kedua-dua anak lelaki saya, Gan Jing Ye dan Gan Jing Lun yang masih dibangku sekolah yang sentiasa bersabar sepanjang tempoh pengajian ini.

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

April 2007

.....
Gan Kong Meng

	KANDUNGAN	Halaman
Penghargaan		ii
Pengakuan		iii
Kandungan		iv
Senarai Jadual		xiii
Senarai Rajah		xiv
Abstrak		xv
Abstract		xvii
BAB 1 PENGENALAN		
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang kepada Masalah Rogol di Malaysia	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Skop Kajian	9
1.6	Kesignifikan Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	10
1.8	Definisi Konsep-Konsep	11
1.9	Kandungan Tesis	12
1.10	Kesimpulan	13
BAB 2 ULASAN KARYA		
2.0	Pengenalan	14
2.1	Definisi Jenayah	14
2.2	Teori-Teori Perlakuan Jenayah	15

2.3	Definisi Rogol	19
2.4	Undang-Undang Rogol	27
2.5	Jenis-Jenis Rogol	37
	2.5.1 Inses	38
	2.5.2 Rogol oleh Orang yang Tidak diKenali	44
	2.5.3 Rogol Marah	44
	2.5.4 Rogol Kuasa	45
	2.5.5 Rogol Sadistik	45
	2.5.6 Rogol Pampasan	45
	2.5.7 Rogol Kenalan	46
	2.5.8 Rogol Berkumpulan	46
	2.5.9 Rogol Kahwin	47
	2.5.10 Rogol Akibat Intoksikasi Alkohol/Dadah dan Masalah Emosi	48
	2.5.11 Rogol Berpunca dari Sebab yang Lain	49
2.6	Teori-Teori Rogol	51
	2.6.1 Teori Feminis	51
	2.6.2 Teori Pembelajaran Sosial	52
	2.6.2.1 Teori Asosiasi Differensial	56
	2.6.2.2 Teori Reinforcement Differensial	57
	2.6.2.3 Teori Neutralisasi	57
	2.6.3 Teori Evolusi	59
	2.6.4 Teori Fisiologi	59
	2.6.5 Teori Ekonomi	61
	2.6.6 Teori Tipologi	61

2.7	Punca-Punca Rogol	62
	2.7.1 Punca Berlakunya Inses	68
	2.7.2 Punca Berlakunya Jenis Rogol yang Lain	71
	2.7.2.1 Aspek Biologi	71
	2.7.2.2 Aspek Macho	72
	2.7.2.3 Aspek Psikologi	74
	2.7.2.4 Aspek Motivasi Seks	75
	2.7.2.5 Aspek Faktor Luaran dengan Kadar Jenayah Rogol	76
	2.7.2.6 Aspek Penderaan Secara Seks	78
	2.7.2.7 Aspek Masalah Lelaki	79
2.8	Orientasi Teoretikal	86
2.9	Kesimpulan	90

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	92
3.1	Reka Bentuk Kajian	92
3.2	Sampel dan Lokasi Kajian	93
3.3	Prakajian	95
3.4	Instrumen Kajian	96
	3.4.1 Latar Belakang	96
	3.4.2 Latar Belakang Keluarga, Rakan-Rakan dan Tahap Sosialisasi	96
	3.4.3 Latar Belakang Keagamaan	97
	3.4.4 Latar Belakang Kes	97
	3.4.5 Latar Belakang Kesihatan	98

3.4.6	Penggunaan/Tingkah Laku Dadah, Alkohol,Tembakau dan Makanan	98
3.4.7	Tingkah Laku Seks	98
3.5	Pentadbiran Soal Selidik	99
3.6	Tatacara Analisis Data	100
3.7	Etika Penyelidikan	101
3.8	Kesimpulan	101
BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	102
4.1	Latar Belakang Responden	102
4.1.1	Umur	102
4.1.2	Kumpulan Etnik	103
4.1.3	Agama	104
4.1.4	Status Perkahwinan	104
4.1.5	Tahap Pendidikan	105
4.1.6	Ahli Keluarga yang Menetap Bersama	106
4.1.7	Pekerjaan	107
4.1.8	Pendapatan	108
4.1.9	Bilangan Anak	108
4.2	Latar Belakang Keluarga, Rakan-Rakan dan Tahap Sosialisasi	109
4.2.1	Status Perkahwinan Ibu Bapa	109
4.2.2	Pekerjaan Ibu Bapa	110
4.2.3	Pendapatan Ibu Bapa	110
4.2.4	Tahap Pendidikan Ibu Bapa	110
4.2.5	Kawasan diBesarkan	111

4.2.6	Jenis Kediaman	111
4.2.7	Bilangan dan Latar Belakang Keluarga	111
4.2.8	Kekerapan diPukul oleh Ibu Bapa	112
4.2.9	Gangguan Seks	112
4.2.10	Siapa yang Memukul Responden	112
4.2.11	Tinggal dengan Keluarga Tiri	113
4.2.12	Tinggal dengan Penjaga selain Ibu Bapa	114
4.2.13	Rakan di Persekutaran Tempat Tinggal	114
4.2.14	Rakan Sekolah	114
4.2.15	Aktiviti dijalankan Bersama Rakan	115
4.2.16	Aktiviti Masa Lapang	115
4.2.17	Rakan Sebaya yang Menyisihkan Responden	116
4.2.18	Penglibatan dalam Kumpulan Geng dengan Rakan Sebaya	116
4.2.19	Ahli Keluarga Responden Terlibat dengan Jenayah	117
4.3	Latar Belakang Keagamaan	118
4.3.1	Bersembahyang, Menghadiri Kelas Agama dan Kekerapan Sembahyang	118
4.3.2	Responden dan Ibu Bapa yang Alim	119
4.3.3	Sembahyang Bersama Keluarga	119
4.3.4	Ingit kepada Tuhan sebelum Rogol	119
4.4	Latar Belakang Kes Jenayah	119
4.4.1	Didakwa Atas Kesalahan Lain selain Kes Rogol	119
4.4.2	Hukuman Kes Rogol yang diJatuhkan	121
4.4.3	Latar Belakang Kesihatan	123

4.5	Penggunaan/Tingkah Laku Dadah, Alkohol, Tembakau dan Makanan	123
	4.5.1 Penggunaan /Tingkah Laku Dadah	123
	4.5.2 Penggunaan/Tingkah Laku Alkohol	124
	4.5.3 Menghisap Rokok	124
	4.5.4 Makanan yang Paling diGemari	126
4.6	Tingkah Laku Seks	126
	4.6.1 Seks Oral	126
	4.6.2 Melancap	126
	4.6.3. Mengintip Perempuan Tanpa Pengetahuan Mereka	127
	4.6.4 Hubungan Seks	127
	4.6.5 Dorongan Mengadakan Hubungan Seks	127
	4.6.6 Kekerapan Mengadakan Hubungan Seks selepas Kahwin	127
	4.6.7 Hubungan Seks dengan Orang Lain selain Isteri	128
	4.6.8 Melancap selain dari Hubungan Seks	128
	4.6.9 Kekerapan Mengadakan Hubungan Seks sebelum Berkahwin	129
	4.6.10 Hubungan Seks Keluarga	129
	4.6.11 Pernah Berjumpa sebelum Merogol	129
	4.6.12 Merogol Berseorangan atau Beramai-ramai	130
	4.6.13 Gambaran Mangsa Rogol	130
	4.6.14 Membayangkan Tubuh Mangsa	131
	4.6.15 Merancang dan Meneliti Gerak-Geri Mangsa	131
	4.6.16 Tiada Niat Tetapi Tidak Berdaya Melawan Nafsu	131
	4.6.17 Pelawaan untuk Mengadakan Seks	131

4.6.18 Melakukan Jenayah Lain semasa Terserempak dengan Mangsa	132
4.6.19 Merogol kerana Mangsa Berpakaian Seks	132
4.6.20 Pernah Keluar secara Kasual (<i>Dating</i>) dengan Mangsa	132
4.6.21 Memberi Pil, Dadah, Minuman Alkohol kepada Mangsa	133
4.6.22 Khayalan tentang Wanita atau Pasangan	133
4.6.23 Khayalan untuk Mengadakan Seks Ganas	133
4.6.24 Jenis-Jenis Gambar/Wayang Ditonton	133
4.6.25 Menonton VCD/TV	134
4.6.26 Tayangan TV Berunsur Lucah	135
4.6.27 Menonton Video/VCD Lucah	135
4.6.28 Membaca Buku Lucah	135
4.6.29 Menonton/Membaca VCD/Buku Lucah sebelum Merogol	136
4.6.30 Pendapat Tentang Video/VCD atau Buku Lucah	136
4.7 Kesimpulan	136
BAB 5 PERBINCANGAN	
5.0 Pengenalan	138
5.1 Sosio-Demografi Perogol	138
5.1.1 Umur Perogol	138
5.1.2 Etnik/Bangsa Perogol	139
5.1.3 Agama Perogol	140
5.1.4 Status Perkahwinan Perogol	140
5.1.5 Tahap Pendidikan Perogol	141

5.1.6 Siapa yang Tinggal Bersama Perogol/Kawasan dibesarkan/Jenis Kediaman	141
5.1.7 Pendapatan Perogol	142
5.1.8 Bilangan Anak/Adik-beradik Perogol	143
5.1.9 Pekerjaan Perogol	143
5.1.10 Kesihatan Perogol	143
5.1.11 Rekod Jenayah Perogol	144
5.2 Tingkah Laku Sosial Perogol	145
5.2.1 Gangguan Seks Perogol	145
5.2.2 Tingkah Laku Seks Perogol	145
5.2.3 Perogol Pernah diPukul	146
5.2.4 Pergaulan dengan Rakan Kenalan/Sebaya	147
5.2.5 Kekerapan Bersembahyang	148
5.3 Faktor-Faktor yang Mendorong Perogol Melakukan Rogol	148
5.3.1 Penggunaan Dadah/Alkohol/Rokok/Pil Merangsang	148
5.3.2 Media/Pornografi/Buku Lucah/Video Lucah	150
5.3.3 Kewujudan Peluang/Tingkah Laku Lain Perogol	151
5.3.4 Tahap Ekonomi Perogol yang Rendah	152
5.3.5 Kesesakan Rumah/Keluarga Perogol	152
5.4 Jenis-Jenis Rogol yang dilakukan oleh Perogol di Malaysia	152
5.5 Kesimpulan	155
BAB 6 KESIMPULAN	
6.0 Pengenalan	156
6.1 Gambaran Sosio-Demografi Perogol	156
6.2 Tingkah Laku Sosial Perogol	157

6.3	Faktor-Faktor yang Mendorong Perogol Melakukan Rogol	157
6.4	Jenis-Jenis Rogol yang dilakukan oleh Perogol	157
6.5	Cadangan Kajian Masa Depan	158
BIBLIOGRAFI		160
LAMPIRAN		
A	Borang Soal Selidik	178
B	Salinan Surat-Menyurat	195

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1.0	Perangkaan jenayah indeks seluruh negara 1994-2004	4
Jadual 1.1	Perangkaan jenayah rogol seluruh negara 1994-2004	5
Jadual 3.1	Bilangan perogol di Penjara Alor Setar, Kedah dan Penjara Taiping, Perak semasa kajian dijalankan	93
Jadual 3.2	Bilangan pecahan sampel dan peratusan mengikut kumpulan etnik di Penjara Alor Setar, Kedah dan Penjara Taiping, Perak	93
Jadual 4.1	Status perkahwinan ibu bapa	109
Jadual 4.2	Pendapatan ibu bapa	110
Jadual 4.3	Aktiviti dijalankan bersama rakan	115
Jadual 4.4	Aktiviti semasa lapang	116
Jadual 4.5	Bersembahyang, menghadiri kelas agama dan kekerapan sembahyang	118
Jadual 4.6	Didakwa atas kesalahan lain selain kes rogol	121
Jadual 4.7	Bilangan peratus responden yang menjalani hukuman penjara serta hukuman sebatan	122
Jadual 4.8	Bilangan peratus responden yang menjalani hukuman penjara tanpa sebatan	122
Jadual 4.9	Bilangan rokok dihisap sehari	125
Jadual 4.10	Kekerapan hubungan seks selepas kahwin	128
Jadual 4.11	Kekerapan hubungan seks sebelum kahwin	129

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.0 Trend jenayah rogol seluruh negara 1994-2004	6
Rajah 1.1 Trend jenayah rogol Negeri Perak 1994-2004	7
Rajah 1.2 Trend jenayah rogol Negeri Kedah 1994-2004	8
Rajah 2.0 Rangka kerja teoretikal penyelidikan	89
Rajah 4.1 Umur responden	103
Rajah 4.2 Kumpulan etnik	103
Rajah 4.3 Agama	104
Rajah 4.4 Status perkahwinan	105
Rajah 4.5 Tahap pendidikan	106
Rajah 4.6 Ahli keluarga yang menetap bersama	106
Rajah 4.7 Pekerjaan	107
Rajah 4.8 Pendapatan	108
Rajah 4.9 Bilangan anak	109
Rajah 4.10 Kawasan dibesarkan	111
Rajah 4.11 Siapa yang memukul responden	113
Rajah 4.12 Penglibatan dalam kumpulan geng dengan rakan sebaya	117
Rajah 4.13 Menghisap rokok	125
Rajah 4.14 Menonton VCD/TV	134

KAJIAN KES PEROGOL DI PENJARA NEGERI KEDAH DAN PERAK

ABSTRAK

Jenayah rogol di Malaysia telah meningkat sejak tahun 2000. Kajian lepas yang dijalankan di Malaysia tentang rogol kebanyakannya berfokus pada mangsa rogol. Kajian ini bertujuan untuk memerihalkan serta memahami perogol dijalankan antara perogol yang telah dijatuhkan hukuman penjara dan sedang menjalani hukuman penjara di penjara Kedah dan Perak. Objektif kajian ini adalah untuk (a) memperoleh gambaran ciri-ciri sosio-demografi perogol di Malaysia; (b) mengenal pasti tingkah laku sosial perogol di Malaysia; (c) mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong perogol melakukan jenayah rogol di Malaysia; dan (d) mengenal pasti jenis-jenis rogol yang dilakukan oleh perogol di Malaysia.

Reka bentuk kajian keratan lintang digunakan. Sejumlah 97 responden telah disoal selidik dalam kajian ini. Komposisi responden adalah lebih kurang sama di mana 54 responden adalah dari penjara Alor Setar manakala 43 responden adalah dari penjara Taiping. Jumlah ini merupakan populasi perogol yang menjalani hukuman yang dijatuhkan di dua penjara tersebut pada masa kajian. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan instrumen ini ditadbirkan oleh penyelidik. Sifat-sifat sosio-demografi responden menunjukkan kebanyakan responden (26.8%) adalah dari kumpulan yang telah berumur (42-49 tahun). Hampir kesemua responden (91.8%) adalah dari kumpulan etnik Melayu. Lebih dari separuh (58.8%) responden telah berkahwin dan kebanyakan mereka (39.1%) hanya memperoleh pelajaran rendah. Hampir

separuh (49.5%) responden bekerja sebagai buruh atau tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

Kesimpulannya, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa hampir kesemua responden mempunyai tingkah laku yang mengikuti norma-norma masyarakat. Kebanyakan mereka tidak pernah dianiayai secara seks atau fizikal. Hanya 5% responden yang minum alkohol setiap hari dan kadar penggunaan dadah di kalangan responden juga agak rendah. Memandangkan latar belakang responden adalah dari kawasan luar bandar pengaruh pornografi tidak merupakan faktor yang penting. Penemuan penting kajian ini ialah hampir satu pertiga (29.9%) responden pernah mengadakan hubungan seks dengan ahli keluarga dan hampir satu perlima (18.3%) daripada mereka mengadakan hubungan seks dengan anak sendiri atau anak tiri. Ruang penempatan yang sesak di rumah juga merupakan penyebab kepada berlakunya rogol. Rogol yang kerap dilakukan adalah rogol jenis kenalan dan inses.

A CASE STUDY OF RAPISTS IN THE PRISONS OF KEDAH AND PERAK

ABSTRACT

The crime of rape in Malaysia has been on the rise since the year 2000. Past studies conducted in Malaysia on rape have been focused largely on the victims. The purpose of this study is to describe and understand rapists and was conducted amongst convicted rapists serving prison sentence in Kedah and Perak prisons. The objectives of this study is to (a) obtain an overall picture of the social demographic characteristics of rapists in Malaysia; (b) identify the social behaviour of rapists in Malaysia; (c) identify the factors that encourage rapists to rape in Malaysia; and (d) identify the types of rape committed by rapists in Malaysia.

A cross-sectional research design was used. A total of 97 respondents were surveyed for this study. The composition of the respondents are almost similar where 54 respondents were from the Alor Setar prison and 43 respondents were from Taiping prison. This total was the population of rapists serving their convicted sentences in the two prisons at the time of the study. The survey instrument used was a questionnaire and this instrument was administered by the researcher. Socio-demographic characteristics of respondents show that most of the respondents (26.8%) were from an older age group (42-49 years). Almost all the respondents (91.8%) were from the Malay ethnic group. More than half (58.8%) of them were married and most of them (39.1%) only attended primary education. Almost half (49.5%) of the respondents worked as labourers or did not have any permanent employment.

It can be summarized that almost all the respondents' behaviour followed the norms of society. Most of them had never been sexually or physically abused. Only 5% of the respondents consumed alcohol daily and the rate of substance abuse among the respondents was also low. Since the respondents were from a rural background the influence of pornography is not an important factor. An important finding of this study is that almost one third (29.9%) of the respondents have had sex with family members and almost one fifth (18.3%) of them have had sex with their own or adopted child. Congested living condition contributes to the occurrence of rape. The most frequently committed type of rape is acquaintance rape and incest.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pengenalan kepada tesis ini. Untuk mendapatkan satu gambaran tentang jenayah rogol di Malaysia, perangkaan jenayah indeks rogol dilihat dari tahun 1994 hingga 2004. Selain daripada itu bab ini juga akan menggariskan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kesignifikan kajian, batasan kajian dan kandungan tesis.

1.1 Latar Belakang kepada Masalah Rogol di Malaysia

Sejak kebelakangan ini kes rogol lebih kerap dilaporkan berlaku di negara ini. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa bukan sahaja kes rogol meningkat, tetapi kes ‘haruan makan anak’ (inses) juga turut meningkat. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa angka ‘haruan makan anak’ adalah hampir 20% daripada jumlah kes rogol di Semenanjung Malaysia (Hadi, 1996).

Sebelum kita mendalami subjek rogol dengan lebih mendalam lagi adalah penting kita memahami definisi rogol. Mengikut Massachusetts General Law (Bab 474, bahagian 7), rogol ditakrifkan sebagai:

‘Sexual intercourse or unnatural sexual intercourse by a person with another person who compelled to submit, to force and against his will or by threat of bodily, injury or sexual threat or unnatural intercourse with a child under 16 years of age.’

Perkataan rogol atau ‘rape’ berasal dari perkataan Latin ‘rapere’ yang bermaksud mencuri atau merampas (Rohana, 1997). Rogol ialah suatu jenayah yang melibatkan seorang lelaki mengadakan hubungan seks dengan wanita di luar kemahuan atau tanpa kerelaannya. Ianya dilihat sebagai suatu jenayah di mana dara wanita dirampas secara paksaan oleh penjenayah lelaki.

Brownmiller (1975) mendefinisikan rogol sebagai

‘A sexual invasion of the body by force, an incursion into the private, personal inner space without consent – in short an internal assault from one of several avenues and by one of several methods – constitutes a deliberate violation of emotional, physical and rational integrity and is a hostile, degrading act of violence that deserves the name rape!.’

Pandangan Muehlenhard dan Linton (1987) pula hampir menyerupai definisi-definisi di atas, iaitu beliau melihatnya sebagai serangan seks yang berlaku tanpa kerelaan mangsa dengan paksaan atau ugutan.

Di Malaysia jenayah indeks diklasifikasikan sebagai jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Rogol merupakan satu jenayah kekerasan. Jadual 1.0 menunjukkan jenis-jenis jenayah indeks yang diklasifikasikan sebagai jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Sejumlah 21855 kes jenayah kekerasan dilaporkan pada tahun 2004. Daripada jumlah ini sebanyak 7.86% atau 1718 kes merupakan rogol. Jadual 1.1 menunjukkan perangkaan jenayah rogol seluruh negara (1994 hingga 2004) mengikut negeri. Didapati negeri Selangor merekodkan jumlah

terbanyak dalam tempoh masa ini iaitu sebanyak 2329 kes. Seterusnya negeri Johor merekodkan sejumlah 2294 kes dalam tempoh masa yang sama. Di antara negeri-negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia, negeri Kedah (1272 kes) dan negeri Perak (1199 kes) merupakan negeri-negeri yang paling banyak melaporkan kes jenayah rogol.

Jadual 1.0 Perangkaan Jenayah Indeks Seluruh Negara 1994-2004

TAHUN	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
JENAYAH KEKERASAN											
BUNUH	341	396	447	540	629	588	551	608	516	565	565
CUBA BUNUH	41	38	50	52	51	52	43	68	64	77	92
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	68	85	45	43	64	74	89	65	73	45	44
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATA API	559	549	831	1079	1385	1482	1681	1697	1704	1920	1689
SAMUN BERSENJATA API	617	606	566	589	741	700	722	566	425	381	334
SAMUN TANPA SENJATA API	482	4809	5632	7316	9518	11494	12204	11333	12203	13963	3221
ROGOL	965	1029	1098	1429	1359	1457	1210	1354	1418	1471	1718
MENCEDERAKAN MANUSIA	2846	3111	3671	5871	5746	5310	5104	4699	4440	4368	4196
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	5919	10623	12340	16919	19493	21157	21604	20390	20843	22790	21855
JENAYAH HARTA BENDA											
PECAH RUMAH CURI SIANG HARI	5155	5484	5635	7716	8912	9401	8675	7449	6821	6928	6550
PECAH RUMAH CURI MALAM HARI	16397	16616	17193	21644	25559	26535	24238	21003	18444	18881	18354
CURI MOTOR LORI / VAN	992	1186	1324	1801	2579	3485	3698	4306	4570	5551	4892
CURI MOTOKAR	2459	2728	2929	3299	4605	6196	7278	8520	8544	8537	8624
CURI MOTOSIKAL	13975	1673	20932	26796	36766	41905	45903	47223	47137	50212	51560
CURI BASIKAL	2058	769	1540	1916	2155	1483	896	14368	14640	15798	11536
LAIN-LAIN KECURIAN	24638	26442	26009	41085	58610	58953	54881	33210	28043	27638	33080
JUMLAH JENAYAH HARTA BENDA	65674	54898	75562	104257	139186	147958	145569	136079	128199	133545	134596


(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2004)

Jadual 1.1 Perangkaan Jenayah Rogol Seluruh Negara 1994-2004

PERANGKAAN JENAYAH ROGOL SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 1994 – 2004																
	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	K.L.	SELANGOR	NEGERI S'BILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	TERENGGANU	PAHANG	SABAH	S'WAK		
1994	11	85	60	76	69	147	43	64	126	45	47	49	101	42		
1995	15	95	52	99	86	171	48	67	132	28	27	52	106	51		
1996	14	104	57	109	85	166	62	56	138	44	41	81	91	50		
1997	12	121	74	133	96	225	58	59	190	79	73	84	133	92		
1998	28	110	63	123	101	251	76	52	201	61	67	125	176	105		
1999	14	127	71	146	67	222	81	44	230	33	75	93	148	106		
2000	13	110	60	91	61	222	57	43	193	50	44	75	111	80		
2001	9	131	75	83	94	263	72	41	224	71	47	78	89	77		
2002	13	131	69	103	121	256	60	49	239	67	44	73	117	76		
2003	11	131	69	115	72	290	75	58	298	61	41	69	111	70		
2004	21	127	89	121	289	116	89	100	323	102	58	82	149	94		
JUM LAH	161	1272	739	1199	1141	2329	721	633	2294	641	564	861	1332	843		


(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2004)

Rajah 1.0 menunjukkan trend jenayah rogol seluruh negara bagi tahun 1994 hingga 2004. Didapati trend jenayah rogol meningkat dari tahun 1994 (965 kes) hingga tahun 1998 (1539 kes). Seterusnya trend ini menunjukkan penurunan daripada tahun 1998 hingga tahun 2000 (1210 kes). Semenjak tahun 2000 trend jenayah rogol terus meningkat ke 1718 kes pada tahun 2004.



Rajah 1.0 Trend Jenayah Rogol Seluruh Negara 1994-2004

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2004)




Rajah 1.1 Trend Jenayah Rogol Negeri Perak 1994-2004

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2004)

Secara khusus, trend jenayah rogol negeri Perak dan Kedah dari tahun 1994 hingga 2004 ditunjukkan di rajah 1.1 dan 1.2. Bagi negeri Perak jumlah tertinggi yang dilaporkan ialah pada tahun 1999 sebanyak 146 kes dan jumlah terendah ialah pada tahun 1994 iaitu sebanyak 76 kes. Semenjak tahun 2001 satu trend yang meningkat di tunjukkan.

Manakala untuk negeri Kedah (Rajah 1.2) satu peningkatan ditunjukkan dari tahun 1994 hingga 1997 dan selepas itu sehingga ke tahun 2001 satu trend yang tidak begitu konsisten ditunjukkan. Satu trend yang stabil iaitu sebanyak 131 kes setahun dilaporkan dari tahun 2001 hingga 2003. Pada tahun 2004 penurunan sebanyak empat kes (127 kes) telah dilaporkan.



Rajah 1.2 Trend Jenayah Rogol Negeri Kedah 1994-2004

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2004)

1.2 Permasalahan Kajian

Selepas meneliti data tentang jenayah rogol di Malaysia adalah jelas bahawa secara keseluruhan trend jenayah rogol menunjukkan peningkatan terutamanya dari tahun 2000. Meskipun terdapat undang-undang yang ketat untuk menghukum perogol tetapi trend jenayah rogol didapati masih meningkat.

Teh (1987), Hadi (1996 dan 1998) dan Rohana (1997) merupakan beberapa pengkaji yang telah mengkaji jenayah rogol di Malaysia. Semua kajian ini mengkaji jenayah rogol daripada aspek mangsa sahaja¹. Manakala kajian ini bertujuan untuk mengkaji jenayah rogol daripada perspektif perogol. Satu pemahaman yang lebih mendalam perlu diperoleh tentang tingkah laku

¹ Bab ulasan karya akan membincangkan dapatan kajian-kajian ini dengan lebih terperinci.

perogol dan faktor-faktor yang mendorong perogol melakukan jenayah rogol.

1.3 Objektif Kajian

1. Untuk mendapatkan gambaran sosio-demografi perogol di Malaysia.
2. Mengenal pasti tingkah laku sosial perogol di Malaysia.
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong perogol melakukan jenayah rogol di Malaysia.
4. Mengenal pasti jenis-jenis rogol yang dilakukan oleh perogol di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah gambaran sosio-demografi perogol di Malaysia?
2. Apakah tingkah laku sosial perogol di Malaysia?
3. Apakah faktor-faktor yang mendorong perogol melakukan jenayah rogol di Malaysia?
4. Apakah jenis-jenis rogol yang dilakukan oleh perogol di Malaysia?

1.5 Skop Kajian

Kajian ini ditumpukan untuk memerihalkan dan memahami perogol yang sedang menjalani hukuman penjara di negeri Kedah dan Perak. Keluasan Negeri Kedah ialah 9426 kilometer persegi (kmp) dengan penduduk seramai 1,693,286 orang. Manakala keluasan Negeri Perak ialah 21,005 kmp dengan penduduk seramai 1.973,368 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2002).

Meskipun kajian ini dijalankan di negeri Kedah dan Perak tidak semestinya mereka yang sedang menjalani hukuman penjara di kedua negeri ini berasal

dari negeri Kedah dan Perak. Kemungkinan mereka tidak berasal dari kedua negeri ini tetapi telah melakukan jenayah rogol di negeri Kedah dan Perak.

1.6 Kesignifikan Kajian

Selepas meneliti perangkaan jenayah rogol di Malaysia didapati bilangan kes jenayah rogol telah meningkat sejak kebelakangan ini. Tambahan, kajian-kajian tempatan dalam bidang ini adalah berdasarkan perspektif mangsa dan didapati kurang kajian dijalankan terhadap perogol. Meskipun terdapat banyak kajian dijalankan di luar negara untuk mengenal pasti punca-punca rogol dan tingkah laku perogol, kajian-kajian ini adalah berdasarkan perspektif sosio-kebudayaan yang berlainan.

Signifikan kajian ini ialah latar belakang perogol akan dikenal pasti dengan lebih dekat lagi. Seterusnya tingkah laku perogol, jenis-jenis jenayah rogol dan apakah yang mendorong mereka melakukan jenayah rogol dalam konteks Malaysia akan dikaji.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian boleh dibahagikan kepada tiga. Ia melibatkan sampel, lokasi dan instrumen kajian.

Meskipun populasi perogol yang sedang menjalani hukuman penjara di kedua lokasi kajian telah disoal selidik tetapi saiz sampel yang diperoleh kemungkinan adalah tidak mencukupi untuk membuat satu generalisasi tentang perogol di Malaysia.

Lokasi kajian ialah di dua buah negeri sahaja, iaitu negeri Kedah dan negeri Perak. Dua buah negeri ini diharap dapat memberi gambaran tentang keseluruhan masalah kajian di Malaysia. Mungkin dapatan kajian akan lebih representatif jika lebih daripada dua buah negeri di Malaysia dipilih untuk kajian ini.

Daripada aspek pentadbiran borang soal selidik, ianya telah ditadbir oleh penemu duga. Kemungkinan *bias* akan wujud di mana subjek kajian mungkin berasa malu untuk memberikan penerangan yang lebih lanjut tentang tingkah laku seks mereka. Untuk mengurangkan kesan bias ini penerangan telah diberikan kepada semua subjek sebelum disoal selidik tentang tujuan kajian dan nama subjek tidak diperlukan.

1.8 Definisi Konsep-Konsep

Definisi-definisi yang berkaitan dengan istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) **Hubungan dengan pelacur:** Didefinisikan sebagai membayar perkhidmatan seks yang dilakukan dengan wanita yang tidak dikenali.
- (b) **Kepercayaan:** Keyakinan tentang kebenaran sesuatu objek, individu, institusi atau situasi atau harapan tentang kejujuran, kebaikan dan sebagainya pada seseorang (Fishbein dan Ajzen, 1975:12).
- (c) **Pengetahuan:** Pengetahuan ialah satu pemahaman kognitif tentang sesuatu perkara berdasarkan fakta-fakta atau keputusan penyelidikan yang sudah dibuktikan (Fishbein dan Ajzen, 1975).

- (d) **Sikap:** ialah tingkah laku untuk beraksi dengan positif atau negatif kepada sesuatu objek, individu, institusi atau situasi berdasarkan pengalaman yang lalu (Fishbein dan Ajzen, 1975:5).
- (e) **Faktor ekonomi:** Faktor ekonomi di dalam konteks kajian ini bermaksud pendapatan perogol.
- (f) **Faktor rakan kenalan:** Meniru aktiviti dan tingkah laku rakan sebagai satu cara mempelajari tingkah laku sosial dan mendapat pengiktirafan rakan.
- (g) **Faktor polisi kerajaan:** Kajian meneliti dari sudut penguatkuasaan undang-undang terhadap perogol.
- (h) **Seks Oral:** Seks yang merangkumi semua aktiviti seks melibatkan penggunaan mulut, lidah dan mungkin tenguk untuk merangsang genitalia. Ia mungkin digunakan sebelum persetubuhan sebagai mencapai kemuncak atau selepas persetubuhan selain menghisap buah dada, menjilat tubuh badan dan bahagian faraj wanita (cunnilingus) atau zakar lelaki (fellatio) (Franklin, 2001:62).

1.9 Kandungan Tesis

Bab 1 merupakan pengenalan kepada tesis ini. Ia merangkumi latar belakang masalah rogol di Malaysia, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, definisi konsep-konsep dan kesimpulan. Bab 2 merupakan bab ulasan karya. Bab ulasan karya akan melihat kajian-kajian lepas oleh pengkaji-pengkaji lain justeru justifikasi kajian ini. Rangka teoretikal kajian juga dimuatkan di dalam bab ini. Bab 3 merupakan bab metodologi kajian. Bab ini membincangkan tentang pengkaedahan iaitu bagaimana kajian

ini telah dibuat. Setiap langkah yang diambil oleh pengkaji semasa menjalankan kajiannya akan dibincangkan.

Bab 4 membincangkan keputusan kajian. Semua boleh ubah dalam borang soal selidik ditunjukkan dengan taburan kekerapan. Bab 5 menghuraikan perbincangan mengenai keputusan kajian. Segala dapatan kajian akan dibincangkan bersama dengan data-data sekunder daripada kajian-kajian yang lain. Bab 6 merupakan bab kesimpulan tesis. Cadangan untuk penyelidikan masa depan akan dimuatkan dalam bab ini.

1.10 Kesimpulan

Bab ini merupakan bab pengenalan tesis dan bab seterusnya merupakan bab ulasan karya.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang penulisan kajian-kajian yang berkaitan dengan perogol. Di dalam bab ini, definisi jenayah, teori-teori perlakuan jenayah, definisi rogol, undang-undang rogol, jenis-jenis rogol, teori-teori rogol, punca-punca rogol dan orientasi teoretikal akan dibincangkan.

2.1 Definisi Jenayah

Sebelum meneliti definisi rogol, definisi jenayah diberikan secara ringkas memandangkan rogol merupakan satu tingkah laku jenayah yang dipandang jijik dan serius oleh masyarakat. Di samping itu rogol adalah satu kategori jenayah kekerasan yang diklasifikasikan di bawah jenayah indeks di Malaysia.

Jenayah mempunyai pelbagai definisi. Namun begitu definisi ini secara keseluruhannya bergantung pada dua set norma yang berkaitan, iaitu perundangan dan kod norma yang wujud dalam sesuatu budaya. Menurut Conklin (1981),

“...crime is a behaviour that is subject to legally define punishment. Indeed some sociologist have claimed that it is the punishability of an act which defines a given behaviour as a crime. Crime usually involves criminal intent, the wiled define to commit an act that violates the criminal law.”

Williams (2000: 11) mendefinisikan jenayah sebagai

“ an offence or a crime is a wrong to society involving the breach of a legal rule which has criminal consequences attached to it. A crime is something the law calls a crime and uses criminal prosecutions and sanctions to deal with.”

Bartol,2001:1 mendefinisikan jenayah sebagai

“Crime can be most simply defined as an intentional act in violation of the criminal law committed without defense or excuse, and penalized by the state as a felony or misdemeanor” (Tappan, 1947:100).

Menurut Tun Salleh Abas (1998) pula, jenayah ialah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan itu, maka dengan sebab kesalahan itu orang yang bertanggungjawab boleh dihukum dengan balasan yang setimpal kerana melakukan perkara-perkara yang salah di sisi undang-undang. Ia juga dikenali sebagai penjenayah.

2.2 Teori-Teori Perlakuan Jenayah

Teori-teori dalam perlakuan jenayah dibahagikan kepada dua perspektif utama, iaitu perspektif psikologi dan perspektif sosiologi (Siegel,1992).

Perspektif psikologi dapati seseorang individu tidak dapat menahan tingkah lakunya akan mencari jalan untuk melakukan sesuatu bagi memuaskan dirinya tentang kehendaknya itu.

Perspektif sosiologi melihat tingkah laku jenayah sebagai satu tingkah laku devian. Tingkah laku devian didefinisikan sebagai satu tingkah laku yang melanggar norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat (Gelles dan Levine,1999; Henslin,2001 dan Rubington dan Weinberg,1995). Kawalan sosial pula merupakan satu pendekatan yang digunakan dalam sosiologi untuk mencegah atau memperbaiki tingkah laku devian (Gelles dan Levine,1999). Elemen paling penting dalam kawalan sosial ialah proses

sosialisasi dan selalunya proses ini tidak ideal. Oleh demikian, bagi mencapai kawalan sosial, sanksi atau peraturan diperlukan, iaitu, untuk tingkah laku komplians, ganjaran diberikan manakala untuk tingkah laku tidak komplians, hukuman diberikan. Kawalan sosial ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kawalan sosial formal dan kawalan sosial tidak formal. Kawalan sosial tidak formal merujuk kepada norma-norma dan nilai-nilai yang ditetapkan oleh masyarakat setempat secara tidak formal manakala kawalan sosial formal merujuk kepada sesuatu yang telah diinstitusikan. Contohnya, rogol merupakan satu perbuatan yang tidak dibenarkan dari segi undang-undang dan peraturan-peraturan yang formal adalah untuk menghukum pesalah rogol.

Untuk menerangkan tingkah laku devian dengan lebih terperinci, ahli-ahli sosiologi menjelaskannya daripada perspektif fungsional dan perspektif interaksi. Perspektif fungsional berpendapat bahawa masalah rogol berpunca daripada masyarakat itu sendiri. Teori utama daripada perspektif ini ialah teori anomie. Anomie berlaku apabila masyarakat atau sesuatu kumpulan orang tidak mendapat sesuatu yang diinginkan akan mula melakukan aktiviti devian (Durkheim,1951). Teori anomie ini dikembangkan oleh Merton (1968) dengan menggunakan analogi Durkheim. Merton menekan dan memberi perhubungan antara tingkah laku dan organisasi sosial yang tidak tersusun. Clinard dan Meier (1995) membicarakan bahawa anomie mempunyai hubung kait dengan pandangan ketidaksusunan sosial. Anomie adalah perspektif am mengenai devian yang dapat menerangkan beberapa bentuk devian merangkumi jenayah, alkoholisme, penagihan, membunuh diri dan

kecelaruan mental. Menurut Merton, terdapat lima kumpulan orang yang devian. Mereka yang patuh tidak akan jadi devian tetapi mematuhi kepada matlamat budaya dan cara-cara konvensional untuk mencapai matlamat ini. Mereka yang inovatif ialah mereka yang menerima objektif masyarakat tetapi ingin mencapainya dengan kaedah-kaedah yang devian. Kumpulan ritualisme mungkin mencapai matlamatnya tetapi tidak tercapai dan masih patuh kepada norma-norma sosial. Kumpulan retreatisme ialah mereka yang menentang kedua-dua matlamat budaya dan cara-cara mencapainya. Kumpulan terakhir ialah penentang (rebellion), iaitu mereka yang tidak bersetuju dengan matlamat budaya dan cara-cara mencapainya. Sesiapa yang terkandung dalam kumpulan ini adalah penjenayah. Mengikut Merton, kumpulan inovatif, "retreatists" dan penentang adalah kumpulan devian dan penjenayah manakala kumpulan pematuh (conformists) dan ritualisme bukan devian.

Perspektif interaksi melihatnya daripada aspek kehidupan seharian dan bagaimana seseorang menyesuaikan diri dengan masyarakat. Teori transmisi kebudayaan yang diutarakan oleh Sunderland (1983) dapati individu menjadi devian melalui pergaulan yang pelbagai. Sutherland (1992) dapati devian adalah berpuncu daripada pendedahan dan hubungan di antara pengaruh yang baik dan buruk. Selain daripada itu, teori aktiviti harian juga digunakan untuk menjelaskan perspektif ini. Teori ini menunjukkan bahawa untuk setiap tingkah laku devian mesti wujud seorang pelaku dan seorang mangsa (Sherman et al., 1989 dan Cromwell et al., 1995). Teori ini merujuk lebih kepada tingkah laku jenayah.

Selain daripada perspektif fungsional dan interaksi, terdapat tiga sub teori sosiologi yang lain, iaitu teori pembelajaran sosial, teori sub-budaya dan teori interaksi sosialisasi terpilih.

Teori pembelajaran sosial diutarakan oleh Bandura dan Walton (1963). Mengikut teori ini pengaruh budaya adalah penting dalam pembesaran kanak-kanak. Proses sosialisasi bermula di rumah dan jika ibu bapa merupakan model yang baik, kanak-kanak akan mendapat nilai-nilai positif. Sekiranya kanak-kanak dibesarkan dengan baik maka mereka tidak akan dipengaruhi oleh tekanan sosial lain seperti pengaruh rakan-rakan untuk cuba merogol. Keadaan di sebaliknya juga boleh berlaku jika kanak-kanak tidak dibesarkan dengan nilai-nilai positif.

Teori sub-budaya menjelaskan bagaimana sesuatu kumpulan sosial itu akan mempunyai sub-budayanya yang tersendiri. Kumpulan sosial ini akan mempunyai nilai-nilai dan norma-norma sendiri yang berbeza dengan kumpulan sosial lain (Johnson, 1973:10). Empat agen yang penting dalam sosialisasi ialah ibu bapa, rakan-rakan, sekolah dan media. Perspektif-perspektif yang dibincangkan ini mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Untuk memahami masalah rogol, perspektif-perspektif itu perlu dilihat secara keseluruhannya.

Wilson dan Seaman (1997: 298-299) mendapati bahawa penjenayah datang dari latar belakang di mana terdapat kesesakan dan juga tahap kehidupan yang rendah. Samenow (1983); Douglas dan Olshaker (1996) dapati wujud penentu genetik yang menjadikan seseorang sebagai penjenayah.

Penjenayah ini mempunyai personaliti egoistik yang kuat dan mencari harga diri serta membala dendam bagi mengawal mangsa. Faktor-faktor yang mempengaruhi penjenayah adalah pada masa kecil selalu bersendirian, dianiayai secara fizikal, tidak disayangi ibu bapa dan diobses oleh fantasi seks. Penjenayah ini juga telah mencapai satu set minda yang tetap. Wilson dan Seaman (1997:301) dapati tahap stimulasi seks yang meningkat akan menjadikan seseorang sebagai lelaki yang dominan dan mempunyai nafsu seks yang tinggi dan kemudian akan melepas had untuk merogol.

Memandangkan rogol merupakan satu jenayah seks, ia adalah juga satu jenayah yang dikategorikan di bawah jenayah kekerasan. Oleh yang demikian definisi jenayah rogol dan teori-teori perlakuan jenayah ada hubung kaitnya dan perlu dibincangkan sebelum definisi jenayah rogol dibincangkan dengan lebih khusus selepas ini.

2.3 Definisi Rogol

Rogol didefinisikan oleh undang-undang lazim (*common law*) sebagai “*the carnal knowledge of a female forcibly and against her will*” (Kleck & Sayles, 1990; Green, 1988:5). Rogol adalah sesuatu perkara yang sangat menjijikkan, tidak dapat difahami serta merupakan satu jenayah yang ditakuti. Dalam definisi undang-undang lazim, rogol melibatkan persetubuhan seks tanpa keizinan yang dilakukan oleh seorang lelaki ke atas seorang perempuan yang beliau tidak mengahwininya atau tinggal bersama.

Akta Kesalahan Seksual 1956 seksyen 1 menyatakan: “seseorang lelaki merogol sekiranya (a) dia melakukan hubungan seks secara menyalahi

undang-undang dengan seorang wanita dan wanita tersebut tidak merelakan perbuatan itu, (b) pada masa itu dia mengetahui wanita itu tidak merelakan dia melakukan hubungan seks dengannya, dia bersikap tidak acuh sama ada wanita tersebut rela atau tidak"(Smith dan Hogan, 1996: 179, terjemahan Aishah Bidin dan lain-lain).

Dari perspektif undang-undang, rogol adalah satu jenayah dan juga satu tort (kesalahan di mana pihak yang terjejas boleh menuntut ganti rugi). Jenayah adalah satu kecederaan awam, iaitu satu kesalahan terhadap negeri dan boleh dihukum dengan denda, dirotan atau penjara. Dengan melakukan rogol, perogol melanggar undang-undang dan melakukan satu kesalahan. Tort adalah satu kecederaan persendirian dan pihak yang dicederakan akan menerima pampasan wang sebagai pembetulan. Oleh yang demikian, mangsa boleh menyamankan perogol di mahkamah sivil untuk mendapat ganti rugi wang bagi kecederaan yang dialami.

Malaysia tidak mempunyai satu akta spesifik tentang rogol manakala Filipina mempunyai akta spesifik iaitu "Anti-Rape Act 1997". Definisi dan kesalahan rogol terdapat dalam Kanun Keseksaan (2002) (Penal Code) manakala prosedur untuk perbicaraan rogol terkandung dalam Kanun Acara Jenayah (Criminal Procedure Code) dan isu-isu pembuktian dan keterangan terdapat dalam Akta Keterangan (Evidence Act), 1954 (Lai, et al., 2002).

Dapat dirumuskan bahawa rogol adalah satu tindakan atau perbuatan jahat dengan niat, dan yang menyalahi undang-undang jenayah, atau dalam

konteks negara kita menyalahi Kanun Keseksaan (Penal Code) (1987) dan Akta-akta lain di Malaysia yang menyalahi moral atau nilai masyarakat. Jenayah menyebabkan bahaya secara fizikal, psikologi dan ekonomi serta mengugut kualiti kehidupan dan nyawa dengan meletakkan populasi dalam keadaan ketakutan. Dari segi perundangan, kebanyakan negara mengkategorikan rogol sebagai jenayah yang serius. Pindaan telah dibuat ke atas seksyen 375 Kanun Keseksaan, Malaysia (1987) (definisi rogol) pada tahun 1989 bagi memperketat dan memperkemaskan takrif atau definisi rogol. Di samping itu, pihak kerajaan dalam proses mengkaji semula seksyen 375 Kanun Keseksaan (1987) kerana ianya masih didapati tidak begitu berkesan. Pindaan ini merangkumi definisi rogol dengan lebih luas di mana penjelasan yang lebih mendalam tentang pindaan ini diberikan di bahagian seterusnya , iaitu undang-undang rogol. Seseorang lelaki itu adalah dikatakan melakukan "rogol" jika ia, kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini (lihat kekecualian yang dinyatakan di bawah) bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal yang berikut :

- (a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu;
- (b) dengan tiada kerelaan perempuan itu;
- (c) dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut:

- (d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui bahawa ia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya ia akan memberi kerelaan;
- (e) dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan;
- (f) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak jika perempuan itu di bawah umur enam belas tahun.

Huraian – Kemasukan adalah memadai bagi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan rogol.

Kecualian – Persetubuhan oleh seseorang lelaki dengan isterinya dengan perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis pada masa itu berkuat kuasa, atau diiktiraf dalam Persekutuan sebagai sah, bukanlah rogol.

Huraian 1 -- Seorang perempuan ---

- (a) tinggal berasingan dari suaminya di bawah dekri pemisahan kehakiman atau suatu dekri tidak dibuat mutlak; atau
- (b) yang memperoleh injunksi menyekat suaminya dari melakukan persetubuhan dengannya, hendaklah disifatkan sebagai bukan isteri bagi maksud seksyen ini.

Huraian 2 --- Seorang perempuan Islam yang tinggal berasingan dari suaminya dalam tempoh edah, yang mana akan dihitung mengikut Hukum

Syarik, hendaklah disifatkan sebagai bukan isteri suaminya bagi maksud seksyen ini (Kanun Keseksaan, Akta 574, 2002).

Dari segi perundangan, kemasukan kemaluan lelaki ke dalam kemaluan perempuan secara paksa adalah memadai bagi maksud persetubuhan yang diperlukan untuk kesalahan rogol. Bagi perempuan berumur lebih daripada enam belas tahun, fokus undang-undang adalah pada isu kerelaan. Persetubuhan tanpa kerelaan perempuan itu dikategorikan sebagai rogol. Satu pengecualian ialah persetubuhan oleh seorang lelaki dengan isterinya yang berumur lebih daripada tiga belas tahun tanpa kerelaannya bukanlah rogol. Seorang lelaki boleh merogol isterinya tanpa dikenakan tindakan undang-undang. Dalam keadaan ini, hak perempuan itu ke atas tubuhnya sendiri hilang apabila beliau sudah bersuami.

Rogol adalah jenayah yang kejam dan tidak berperikemanusiaan kerana ia meninggalkan kesan buruk dan berkekalan dari segi mental dan fizikal ke atas mangsa. Mangsa rogol merujuk kepada mereka yang terlibat dalam keadaan yang tergolong dalam mana-mana enam jenis keadaan definisi rogol (seksyen 375 Kanun Keseksaan, 2002). Dalam kebanyakan kes mereka terdiri daripada kaum wanita. Walau bagaimanapun dalam pengendalian kes-kes rogol definisi mangsa boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat umur, iaitu mengikut tahap perkembangan manusia:

- (a) kanak-kanak (bawah enam belas tahun),
- (b) remaja (16-24 tahun) dan

(c) dewasa (24 tahun ke atas).

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 1988)

Brownmiller (1975) mendefinisikan rogol sebagai
“any sexual intimacy forced on one person by another”.

Brownmiller (1975) mempercayai bahawa kemasukan ke dalam faraj, dubur atau mulut patut dikandungkan dalam definisi rogol.

Katz dan Mazur(1979:11) memberi definisi rogol sebagai

“any one or more of the following: intercourse, fellatio, cunnilingus, anal sex. or penetration of the genital area by any part of the assailant or a foreign object as reported by victim or determined by medical examination”.

Katz dan Mazur,1979:15 mendefinisikan rogol sebagai “forced sexual violence against any person, male or female”(Burgess dan Holmstrom, 1975). Perogol boleh dipanggil sebagai penjenayah. Perogol ini dikatakan telah merogol apabila mereka melakukan hubungan seks dengan seseorang wanita yang telah dijelaskan dalam definisi rogol di atas (Siegel, 1992). Mahoney (1980:73) dapati rogol adalah masalah lelaki dan lelaki patut dipersalahkan dan bukan perempuan.

Mengikut U.S. Department of Justice (1988:2), rogol ditakrifkan sebagai “unlawful sexual intercourse with a female, by force or without legal or factual consent”.